

27 NOV 2002

MAHATHIR-PERTUMBUHAN

PERTUMBUHAN SUKU KETIGA MELEBIHI JANGKAAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertumbuhan ekonomi negara untuk suku ketiga tahun ini adalah lebih baik daripada yang dijangkakan, sungguhpun dalam keadaan ekonomi dunia yang dilaporkan sedang terjejas.

Katanya, kejadian serangan oleh pengganas dan tindakan balas terhadap pengganas yang sedang berlaku hari ini antara lainnya telah menyebabkan ekonomi dunia tidak dapat tumbuh seperti dahulu.

"Kita harus bersyukur kerana dalam keadaan dunia menghadapi tekanan ini, kita masih mampu memajukan negara kita," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan persekolahan dan hari raya kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan di sini.

Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz hari ini mengumumkan bahawa ekonomi negara berkembang 5.6 peratus bagi suku ketiga tahun ini hasil dorongan permintaan dalam negeri yang teguh dengan disokong oleh prestasi eksport yang lebih kukuh.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata Malaysia mampu untuk terus memajukan ekonominya kerana keadaan negara yang kekal aman, walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Rakyat negara ini harus bersyukur dengan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia berbanding negara-negara lain, walaupun sama-sama menghadapi suasana tekanan ekonomi yang diakibatkan oleh kegiatan keganasan dan tindakan-tindakan memerangi keganasan.

"Kita lihat banyak negara di sekeliling Malaysia dan juga di mana-mana sahaja yang mengalami ekonomi yang amat buruk, tetapi Alhamdulillah, sebenarnya ekonomi Malaysia berjalan dengan baik," katanya. -- BERNAMA

AFY ZK